UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BIL. 1 | 2026

PTTA Tuan Rumah MKPUA 2026

4-5 FEBRUARI 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat dan Bengkel Majlis Ketua Pustakawan Universiti Awam (MKPUA) 2026 yang berlangsung pada 4–5 Februari 2026. Program ini menghimpunkan barisan Ketua Pustakawan universiti awam seluruh Malaysia bagi membincangkan hala tuju serta memperkukuh kerjasama strategik antara perpustakaan institusi pengajian tinggi.

- Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fauzi, yang menzahirkan sokongan terhadap peranan strategik perpustakaan dalam memperkukuh ekosistem ilmu, penyelidikan dan pembelajaran digital.
- Turut dihadiri Puan Zaharah Abd Samad, Ketua Pustakawan PTTA selaku tuan rumah, bersama Datin Nor Azzah Momin, Ketua Jawatankuasa MKPUA merangkap Ketua Pustakawan USIM, serta barisan Ketua Pustakawan universiti awam seluruh Malaysia.

SOROTAN PROGRAM

Sesi Telaah Siri 1/2026

14 JANUARI 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah menganjurkan Telaah Siri 1/2026 yang menampilkan perkongsian oleh Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi bin Abdul Sukor, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Sesi ini mengupas buku Apabila Langit Terbelah yang membincangkan fenomena lohong hitam dan lohong putih daripada perspektif al-Quran, astronomi, astrofizik dan kejuruteraan.

- Mengupas fenomena lohong hitam dan lohong putih melalui gabungan perspektif al-Quran, astronomi, astrofizik dan kejuruteraan.

Program Inspirasi Masa Hadapan

8 JANUARI 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), telah menjadi lokasi penganjuran Program Inspirasi Masa Hadapan: Lawatan Pendidikan Anak Warga INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) INTAN Kampus Wilayah Selatan - IKWAS ke UTHM.

- Program ini dilaksanakan dengan penglibatan INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) dan Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM.
- Pengisian utama program ini termasuk sesi lawatan berpandu, perkongsian inspirasi serta aktiviti pembelajaran berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Kolaborasi Strategik PTTA & FSKTM

9 FEBRUARI 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah mengadakan sesi perbincangan strategik bersama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), UTHM bagi memperkukuh kerjasama dalam pembangunan inisiatif digital, inovasi perpustakaan serta penyelidikan yang memberi manfaat kepada warga universiti.

- Perbincangan memfokuskan kepada inisiatif seperti Research Data Management (RDM), pengukuhan Faculty Liaison Officer (FLO), pembangunan Virtual Tour PTTA, naik taraf Galeri Gambus Johor serta pelaksanaan program ilmu bersama FSKTM.
- PTTA turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Jabatan Multimedia FSKTM atas kerjasama dalam projek RICHER serta pembangunan aplikasi AR/VR bagi Galeri Kereta Api Johor.

Majlis Persaraan Ketua Pustakawan

11 FEBRUARI 2026





Perpustakaan Tunku Tun Aminah telah mengadakan Majlis Setulus Budi, Seindah Kenangan bersempena persaraan Ketua Pustakawan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Pn. Zaharah Abd Samad

Warga kerja Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pn. Zaharah atas segala bimbingan, teguran yang membina, dan kepimpinan yang penuh teladan sepanjang berkhidmat di PTTA. Semoga persaraan ini menjadi permulaan bab kehidupan yang lebih bahagia dan indah buat puan sekeluarga.